

SOALAN NO. 26

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YANG BERHORMAT DATO' SERI TIONG KING SING [BINTULU]

TARIKH : 16 NOVEMBER 2017

SOALAN :

YB Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan:

(a) apakah perancangan Kerajaan untuk mengkaji dan menambah baik Skim Perkhidmatan Awam bagi menjamin kebajikan anggota-anggota perkhidmatan awam seperti guru, doktor, jururawat dan kakitangan sokongan; dan

(b) apakah perancangan Kerajaan terutamanya usaha bagi menambah baik kebajikan anggota penguatkuasaan seperti Polis Di Raja Malaysia, Angkatan Tentera Malaysia dan sebagainya.

41

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah mengkaji secara menyeluruh ke atas semua skim perkhidmatan dan baharu dilaksanakan melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2016 yang berkuat kuasa pada 1 Julai 2016. Pelaksanaan ini turut melibatkan pindaan ke atas perbekalan skim perkhidmatan, pindaan gaji minimum dan maksimum, pindaan gaji permulaan dan pemberian satu Kenaikan Gaji Tahunan.

Kerajaan mendapati skim perkhidmatan sedia ada masih relevan dan kajian pindaan skim perkhidmatan ini sentiasa dilaksanakan dari semasa ke semasa mengikut keperluan.

Kerajaan sentiasa prihatin terhadap kebajikan warga anggota penguatkuasaan seperti Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Polis Di Raja Malaysia (PDRM) dan sebagainya.

Misalnya dalam menjaga kebajikan warga ATM, pelbagai usaha dan inisiatif telah dilaksanakan melalui teras kebajikan Kementerian Pertahanan dan ATM bagi memastikan kelestarian dan kesejahteraan warga serta veteran ATM sentiasa terjamin.

Antara usaha dan inisiatif yang dilaksanakan meliputi perkara-perkara berikut:

- i. Penambahbaikan Skim Perkhidmatan ATM;
- ii. Pembinaan perumahan dengan kerjasama kerajaan negeri, swasta dan tanah milik anggota;
- iii. Menaiktaraf kemudahan pendidikan untuk anak-anak warga ATM;
- iv. Penambahbaikan fasiliti, kemudahan dan perkhidmatan kesihatan ATM;
- v. Penambahan kuota haji bagi warga ATM; dan
- vi. Pengoperasian PERNAMA di kem-kem ATM yang menawarkan harga barangan lebih rendah kepada Warga ATM dan Veteran ATM sehingga 30% dari harga pasaran.

Dalam perkembangan sama, Kerajaan turut melaksanakan beberapa inisiatif bagi menambahbaik kebajikan anggota PDRM di kalangan Pegawai Kanan/Pegawai Rendah Polis seperti:

- i. Pemilikan sekurang-kurangnya satu rumah bagi setiap warga PDRM - Perancangan bagi memastikan setiap anggota Polis yang akan berpencen mempunyai pemilikan sekurang-kurangnya sebuah rumah bagi memastikan kebajikan anggota PDRM sentiasa terjaga walaupun selepas bersara; dan

- ii. Latihan dan pembangunan - Penawaran biasiswa dan bergaji penuh kepada Pegawai Kanan/Pegawai Rendah Polis khusus dalam usaha pembangunan/peningkatan *Career Path* serta perkembangan potensi/bakat di kalangan Pegawai Kanan/Pegawai Rendah Polis.

Kerajaan juga sentiasa mengambil berat mengenai kebajikan penjawat awam yang turut merangkumi anggota penguatkuasaan melalui pemberian gaji dan pelbagai insentif serta kemudahan sebagai penghargaan terhadap pegawai dalam menjalankan skop fungsi tugas. Kajian penambahbaikan saraan sentiasa dilaksanakan secara keseluruhan dari semasa ke semasa dengan mengambil kira kepentingan perkhidmatan anggota penguatkuasaan.

Pertimbangan Kerajaan terhadap permohonan yang diterima adalah dibuat dari segi prinsip saraan yang berkuat kuasa selari dengan keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri pada 21 Disember 2016 bahawa Jabatan Perkhidmatan Awam hendaklah mengkaji cadangan semakan saraan dari sudut prinsip perkhidmatan manakala Kementerian Kewangan mengkaji dari sudut implikasi kewangan Kerajaan

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN : 27

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN SIM TONG HIM
[KOTA MELAKA]**

TARIKH : 16 NOVEMBER 2017 (KHAMIS)

SOALAN : 27

YB Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka] minta PERDANA MENTERI menyatakan tentang pencapaian Projek PR1MA:

- (a) berapakah peratusan pencapaian Projek PR1MA di banding dengan sasaran yang ditetapkan sehingga bulan September tahun ini. Berikan langkah dengan terperinci seperti jumlah unit dan jenis pembangunan; dan
- (b) apakah sebabnya masih terdapat banyak bank enggan meluluskan pinjaman kepada pembeli projek ini PR1MA dan mengapa pembayaran PR1MA kepada kontraktor masih lewat dan tertunggak

JAWAPAN: YB DATO' SERI SHAHIDAN BIN KASSIM,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini secara keseluruhannya Anggota Perbadanan PR1MA (Lembaga Pengarah) telah meluluskan sebanyak 261,248 unit kediaman di seluruh negara. Jumlah ini dijangka akan meningkat dari semasa ke semasa mengikut kekerapan mesyuarat. Daripada jumlah tersebut sebanyak 141,661 unit sedang berada dalam pembinaan di seluruh negara manakala jumlah selebihnya dalam peringkat perancangan. Berkenaan kediaman PR1MA di Negeri Melaka pula, sebanyak 22,514 unit telah diluluskan. Kesemua projek-projek di Negeri Melaka tersebut sedang berada dalam pembinaan.

Untuk makluman Ahli yang terhormat selanjutnya, berkenaan sasaran kediaman yang akan siap pada hujung tahun 2017, PR1MA menetapkan sasaran siap sebanyak 16,250 unit iaitu di Kedah, Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Kuala Lumpur, Johor dan Perak. Jumlah ini adalah mengikut perancangan dan dijangka akan meningkat kelak. Pencapaian sasaran ini menunjukkan indikasi bahawa

PR1MA tidak mempunyai sebarang isu kelewatan dengan pihak kontraktor.

Berkenaan pencapaian jualan kediaman PR1MA pula, sehingga kini sebanyak 12,970 unit telah dijual dengan Nilai Pembangunan Kasar (*Gross Development Value – GDV*) bernilai RM3.14 bilion. Berdasarkan status jualan semasa, pada ketika ini PR1MA semakin hampir untuk mencapai sasaran jualan kediaman PR1MA bagi tahun 2017 yang ditetapkan sebanyak 16,250 unit dengan GDV sebanyak RM4.1 bilion. Jumlah ini dijangka akan tercapai dalam tempoh terdekat khususnya apabila lebih banyak unit dibuka untuk jualan kelak.

Jumlah jualan yang menggalakkan ini adalah hasil daripada usaha PR1MA menganjurkan beberapa siri program Hari Terbuka. Alhamdulillah melalui program ini, secara purata jualan kediaman PR1MA mencecah 1,000 unit sebulan bagi pelbagai projek seluruh negara. Jumlah ini merupakan satu jumlah luar biasa jika dibandingkan dengan kadar jualan rumah pasaran oleh pemaju swasta.

Berkenaan kesukaran pembeli mendapatkan pinjaman bank, PR1MA memahami dilema yang dihadapi oleh pembeli. Oleh itu, PR1MA sentiasa mengadakan perbincangan berterusan dengan pihak bank. Perbincangan ini bertujuan untuk

47

membantu menyediakan kemudahan kepada pembeli
kediaman khususnya memberi peluang pembeli
mendapatkan kemudahan pembiayaan.

Sekian. Terima kasih.

SOALAN NO: 28

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : Lisan

DARIPADA : Dato' Sri Abdul Manan bin Ismail
[Paya Besar]

TARIKH : 16 November 2017

SOALAN : Dato' Sri Abdul Manan bin Ismail
[Paya Besar] minta **MENTERI
PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS
TANI** menyatakan mengapakah
penyertaan belia dilihat begitu lemah
serta langkah proaktif Kementerian dan
agensi dalam meningkatkan penyertaan
belia dalam industri ini khususnya bag
penyediaan ke arah kelestarian bekalan
makanan negara.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Bidang pertanian menjadi pilihan terakhir kepada golongan belia kerana ia melibatkan ilmu teknikal, tapak dan modal pelaksanaan.

Kementerian telah mengambil langkah-langkah proaktif untuk menarik lebih ramai penglibatan generasi muda di dalam sektor pertanian. Justeru, dua (2) program telah diperkenalkan iaitu Program Latihan Kemahiran Pertanian Kebangsaan (PLKPL) yang dilaksanakan sejak tahun 2004 dan Program Agropreneur Muda (PAM) mulai September 2013.

Program Latihan Kemahiran Pertanian Kebangsaan

Program Latihan Kemahiran Pertanian Kebangsaan (PLKPL) yang dilaksanakan oleh Bahagian Latihan Kemahiran Pertanian (BLKP) menawarkan latihan kemahiran pertanian kepada semua generasi muda yang berkelayakan bagi peringkat Sijil dan Diploma Kemahiran (Pertanian). Program ini dijalankan di 16 buah Pusat Bertauliah di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani di seluruh Malaysia.

Program Agropreneur Muda

Program Agropreneur Muda (PAM) merupakan program khusus untuk generasi muda berumur 18 hingga 40 tahun. Pendekatan program ini adalah bagi membantu dan menggalakkan penglibatan generasi muda dalam bidang keusahawanan berasaskan aktiviti pertanian merangkumi semua aktiviti di dalam rantai nilai industri pertanian seperti tanaman, ternakan, perikanan, dan industri asas tani.

Sepanjang tempoh pelaksanaan PAM dari 2014 sehingga 15 Oktober 2017, seramai 3,816 usahawan muda telah menerima bantuan melalui program ini dengan jumlah bantuan sebanyak RM 93.7 juta.

Terdapat juga pelaksanaan program melalui Jabatan Pertanian iaitu Inkubator Usahawan Belia Tani Keusahawanan Kemahiran Pemprosesan Makanan, Latihan Belia Tani di Jepun, dan Kelab Usahawan Siswazah Tani (MYAGROSIS). Sehingga kini, seramai 22,627 orang belia telah terlibat dalam program-program tersebut.